

## WASATIYYAH: GAGASAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI (Wasatiyyah: The Way Forward for Islam Hadhari)

<sup>1</sup> MOHD YUSOF HJ. OTHMAN\*

<sup>1</sup> ZAKARIA STAPA

<sup>1</sup> JAWIAH DAKIR

<sup>1,2</sup> MASHITOH YAACOB

<sup>1</sup>Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,  
Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Citra Universiti (CITRA UKM), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600  
Bangi, Selangor, Malaysia

---

### ABSTRAK

Penubuhan Institut Islam Hadhari dalam tahun 2007 di Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kewujudan Kursi Syeikh Abdullah Fahim merupakan iltizam Kerajaan Malaysia dan universiti untuk: (a) membangunkan aktiviti penyelidikan dalam bidang Peradaban Islam, dan (b) menyepadukan pemikiran nilai-nilai Islam yang dicadangkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-4 dalam Wawasan 2020 sebagai agenda pembangunan negara bangsa. Pemikiran Pendekatan Islam Hadhari yang telah digagaskan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 Tun Abdullah Ahmad Badawi, adalah untuk mengukuhkan lagi Wawasan 2020 yang diperkenalkan sebelumnya. Sebagai tambahannya, Perdana Menteri Malaysia yang ke-6, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, telah memperkenalkan konsep Wasatiyyah di perasmian Konvensyen Pendekatan Wasatiyyah sebagai asas dalam mewujudkan konsep 1Malaysia. Artikel ini, membincangkan kepentingan pendekatan Wasatiyyah: (a) dalam Konsep Pendekatan Islam Hadhari, dan (b) dalam berhadapan dengan pendekatan sekular yang ekstrem di Barat. Agama, budaya dan hujah subjektif tidak ada tempatnya dalam membangunkan peradaban berasaskan sistem sekular. Sedangkan dalam pendekatan Wasatiyyah, penekanan diberikan kepada pengetahuan objektif dan subjektif dalam menghasilkan insan yang adil,

---

\*Corresponding author: Mohd Yusof Hj. Othman, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, mel-e: myho@ukm.edu.my  
Diserahkan: 31 Mei 2014  
Diterima: 3 April 2017  
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2017-SP-03>

moderat dan seimbang dalam seluruh aspek sosialnya, yakni dalam kehidupan di dunia dan akhirat, dalam kehidupan yang unggul dan realiti, ilmu aqli dan naqli. *Moderation* atau kesederhanaan sebagaimana yang difahami oleh Barat tidak sama dengan konsep Wasatiyyah sebagaimana yang difahami dalam Islam.

**Kata kunci:** Wasatiyyah; sederhana; Hadhari; Islam; pembinaan negara bangsa

### **ABSTRACT**

*The establishment of Institute of Islam Hadhari in 2007 at Universiti Kebangsaan Malaysia with Sheikh Abdullah Fahim Chair is a commitment of the Government of Malaysia and the university to: (a) develop research activities in Islamic civilization, and (b) integrate the idea of inculcating Islamic values proposed by Tun Dr. Mahathir Mohamad, the fourth Prime Minister of Malaysia, in the agenda of nation building. The idea of Islam Hadhari associates with the fifth Prime Minister of Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi, is to further strengthening the Vision 2020 introduced by Dr. Mahathir Mohamad. Additionally, the sixth Prime Minister of Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, introduced the concept of Wasatiyyah in his opening speech at Convention of Wasatiyyah as a mean to establish IMalaysia concept. In this paper, we discuss the importance of Wasatiyyah (or moderation) approach: (a) within the concept of Islam Hadhari, and (b) in facing the extreme western secular approach. There is no place for religious, cultural, and subjective arguments in the secular-based development. But in Wasatiyyah approach, the emphasis is on objective and subjective knowledge that will produce a just, moderate, and balance human beings in all aspect of societal life, i.e., between worldly and hereafter needs, ideal and reality, acquired and revealed knowledges. Moderation as perceived by the western society is not similar to the concept of Wasatiyyah, as in the concept of Wasatiyyah, God is considered as a focal and prime point in nation building while the concept of moderation emphasizes on the right of individual over the right of society as a whole.*

**Keywords:** Wasatiyyah; moderation; Hadhari; Islam; nation building

### **PENDAHULUAN**

Perlembagaan Malaysia, Perkara 3(10) menyebut (The Commissioner of Law Revision, Malaysia 2010):

Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

Ini bermaksud Malaysia bukanlah negara sekular, tetapi Malaysia adalah negara yang rakyatnya bebas menganut sebarang agama. Dengan kata lain, Malaysia adalah negara beragama. Perlembagaan Malaysia menjamin kebebasan beragama, dan menjadikan Islam sebagai agama negara. Orang Islam diwajibkan mengikut keputusan Mahkamah Syariah mengenai apa-apa perkara yang berhubung dengan agama. Perundangan Islam hanya terbatas kepada orang Islam dalam hal-hal yang berhubung dengan perkahwinan, harta pusaka, perceraian, hal yang berhubung dengan murtad, penukaran agama, dan hal-hal yang berhubung dengan penjagaan terhadap kanak-kanak. Kesalahan jenayah dan kesalahan sivil yang lain tidak boleh diputuskan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai hierarki yang sama dengan Mahkamah Sivil. Walaupun mahkamah ini adalah mahkamah tertinggi bagi masyarakat peribuminya, Mahkamah Sivil tidak boleh membicarakan hal-hal yang berhubung dengan amalan Islam seseorang.

Apabila Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia, beliau memperkenalkan Polisi Pandang ke Timur (Socio Economic Research Centre 2014) dan melaksanakan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbirannya (Hussin Mutalib 1993). Premis asas Dasar Pandang Ke Timur adalah Malaysia boleh mempelajari banyak perkara daripada pengalaman negara-negara di Timur (terutamanya Jepun) yang telah pun membuktikan kemajuan mereka dalam tahun 70an dan 80an dan apa yang dimaksudkan oleh Dr. Mahathir dengan penerapan nilai-nilai Islam adalah (Hussin Mutalib 1993):

Tidak sama seperti pelaksanaan Undang-undang Islam di negara ini. Undang-undang Islam adalah untuk orang Islam dan untuk tujuan peribadi mereka sahaja. Tetapi undang-undang negara, sungguhpun tidak berdasarkan kepada Islam, boleh digunakan selagi ianya tidak berkonflik dengan prinsip Islam.

Dr. Mahathir juga membangun Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, institusi ekonomi Islam seperti Bank Islam dan sistem kewangan Islam, sistem pajak gadai Islam (ar-Rahnu), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), meningkatkan Pusat Islam menjadi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM), dan beliau juga menggariskan sembilan cabaran utama untuk memajukan Malaysia yang dinamakan sebagai Wawasan 2020 (Mahathir Mohamad 1991). Sembilan cabaran tersebut adalah:

1. Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegriti di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya, secara adil dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.

2. Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa, dan dihormati oleh rakyat negara lain.
3. Mewujud dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman yang matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.
4. Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama, dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi.
5. Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, rakyat pelbagai kaum bebas mengamalkan adat,kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara.
6. Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga menyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.
7. Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mana kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri dan kebajikan insan tidak berkisar kepada negara atau individu tetapi di sekeliling sistem kekeluargaan yang kukuh.
8. Memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi. Iaitu masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama di mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi, dan kesemua kemunduran ekonomi berdasarkan kaum.
9. Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

Apabila Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-5 (2003-2009), beliau memperkenalkan konsep 'Pendekatan Islam Hadhari'. Konsep ini bukanlah konsep baru, tetapi konsep untuk memperkukuhkan lagi gagasan Wawasan 2020 yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir sebelumnya (Mohd Azizuddin Mohd Sani 2010). Konsep ini berhasrat melahirkan masyarakat bertamadun berteraskan kepada peradaban Islam. Konsep Pendekatan Islam Hadhari terdiri daripada 10 prinsip asas seperti berikut:

1. Prinsip 1 : Keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.
2. Prinsip 2 : Kerajaan adil dan beramanah.

3. Prinsip 3 : Rakyat berjiwa merdeka.
4. Prinsip 4 : Penguasaan ilmu pengetahuan.
5. Prinsip 5 : Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif.
6. Prinsip 6 : Kehidupan berkualiti.
7. Prinsip 7 : Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita.
8. Prinsip 8 : Keutuhan budaya dan moral.
9. Prinsip 9 : Pemuliharaan alam semulajadi.
10. Prinsip 10 : Kekuatan pertahanan.

Dengan kata lain, Abdullah Ahmad Badawi memperkasakan lagi Dasar Pandang ke Timur (melihat nilai-nilai ketimuran terutamanya kemajuan yang dicapai oleh negara Jepun dalam era moden) dan pemikiran penerapan nilai-nilai Islam, satu asas yang telah digagaskan oleh pemimpin sebelumnya, Mahathir Mohamad. Gagasan Pendekatan Islam Hadhari ingin menjadikan umat Islam lebih maju, moden dan dinamik (dalam pemikiran dan juga amalan mereka), yang mencakupi pengukuhan sistem ekonomi, politik, sosial, budaya, pendidikan, pertahanan, astronomi, astrologi, dan sebagainya sehinggalah ke penerokaan ke angkasa raya (sekiranya perlu). Akan tetapi orang Islam, masih disuruh supaya mereka tidak ekstrem dan sederhana dalam perlakuan dan sikap mereka. Mereka tidak perlu terlalu ekstrem dalam usaha untuk mencapai matlamat hidup mereka, sebaliknya mereka perlu menjadi contoh sebagai umat yang sederhana (wasatiyyah), tetapi dinamik dan progresif dalam berfikir dan amalan mereka (Mohd Azizuddin Mohd Sani 2010).

Apabila Mohd Najib Tun Abdul Razak mengambil alih sebagai Perdana Menteri, beliau telah memperkenalkan dua konsep asas: Konsep 1Malaysia dan Konsep Wasatiyyah atau Konsep Kesederhanaan; tetapi bukan 'moderation' sebagaimana yang difahami oleh sarjana Barat. Beliau menerangkan konsep 1Malaysia sebagai berikut (Pejabat Perdana Menteri 2017):

1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Ia bukan satu dasar baru yang terpisah dari dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan, ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara Malaysia. Dalam erti kata lain 1Malaysia digagaskan sebagai satu formula yang akan membantu memastikan aspirasi negara, iaitu Wawasan 2020 tercapai jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat.

Dengan kata lain, 1Malaysia adalah sebuah konsep yang berusaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan agama di Malaysia, yang merupakan nilai-nilai utama yang seharusnya diamalkan oleh rakyat Malaysia keseluruhannya. Pendekatannya tidak terpisah dengan polisi kerajaan; malah ianya melengkapinya perpaduan untuk memastikan kesetabilan secara menyeluruh untuk memacu pertumbuhan kemajuan negara dan rakyatnya. Ini bererti 1Malaysia adalah suatu formula yang merupakan prasyarat utama untuk Malaysia mencapai negara maju menjelang 2020. Pemikiran 'Bangsa Malaysia' yang termaktub dalam Wawasan 2020 menjadi matlamat terakhir, dengan 1Malaysia adalah jejak kunci untuk mencapai wawasan tersebut. Takrifan ini dibina berdasarkan kepada hujah bahawa untuk mencapai status negara maju kerangka dan syarat wajibnya adalah negara tersebut perlulah kuat dan stabil, yang hanya dapat dicapai apabila rakyatnya bersatu padu.

Kesepaduan yang dilihat dari segi konsep 1Malaysia berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di sesetengah negara di dunia, di mana jati diri etnik dihilangkan dan digantikan dengan jati diri nasional yang homogen. Ianya juga amat berbeza dari konsep '*Malaysian Malaysia*' sebagaimana yang diajukan oleh parti pembangkang. 1Malaysia tidak boleh membelakangkan semangat Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang negara yang tertulis dan yang dihasrat sejak tertubuhnya negara Malaysia, seperti Perkara 3 (Islam sebagai agama Persekutuan), 4 (Perlembagaan Malaysia adalah satu-satunya undang-undang bagi Persekutuan), 152 (bahasa kebangsaan negara adalah bahasa Melayu) dan 153 (adalah merupakan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk menjaga kedudukan dan Hak Istimewa orang-orang Melayu dan penduduk peribumi Sabah dan Sarawak), begitu juga dengan Bahagian 2 dan 3. Oleh yang demikian tiada sesiapa pun perlu bimbang dan takut bahawa aspirasi yang terdapat dalam konsep 1Malaysia akan membelakangkan kesefahaman yang telah dijalinkan oleh mereka yang terlibat di awal penubuhan Malaysia.

Konsep 1Malaysia adalah konsep kesepaduan di antara beberapa bangsa, agama dan masyarakat peribumi di Malaysia. Malaysia dikenali sebagai negara yang masyarakatnya berbilang budaya, bangsa dan etnik. Setiap rakyat mesti menghormati antara satu dengan yang lain, walaupun mereka mengamalkan budaya dan agama yang berbeza, supaya mereka boleh hidup dalam aman, harmoni, berjaya dan berkongsi hasil pembangunan bersama.

Mengamalkan konsep 1Malaysia ini tidak bermakna kita perlu menukar perlembagaan yang telah pun wujud sejak merdeka lagi. Malah, konsep ini akan menguatkan dan memperkasakan lagi negara ini melalui pendidikan, program ekonomi, pembangunan sains dan teknologi dan berkongsi kekayaan negara. Konsep

Malaysia juga boleh memperkukuhkan hubungan antara kaum sesama rakyatnya apabila berhadapan dengan tekanan dan cabaran antarabangsa seperti pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang tidak dapat dikawal oleh kerajaan.

## KONSEP WASATIYYAH

Sewaktu merasmikan Konvensyen Wasatiyyah sempena dengan sambutan Satu Melenium Islam di Kepulauan Melayu dalam tahun 2011, Perdana Menteri Malaysia telah menjelaskan pandangannya tentang Wasatiyyah seperti berikut (Mohd Najib Tun Abdul Razak 2012):

*Ummatan wasatan* merupakan umat yang sederhana, adil, tidak berat sebelah dalam hal dunia dan akhirat serta berimbang dalam seluruh aspek kehidupan. Berdasarkan kepada konsep ini, kita diseru agar mengimbangi antara tuntutan rohani dan jasmani serta hambatan dunia dan akhirat, kerana keseimbangan dan kesederhanaan ini amat penting dalam mewujudkan perpaduan dan keharmonian hidup, lantas menentukan kejayaan individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Dalam hubungannya dengan pembangunan negara, dan pembangunan modal insan, Wasatiyyah bererti sederhana, adil, dan di tengah-tengah di antara dua jejak kehidupan. Ianya tidak bermaksud bahawa konsep ini membenarkan kita untuk melakukan sesuatu secara tidak serius dan tidak sungguh-sungguh. Wasatiyyah bererti kita perlu melaksanakan sesuatu tanggungjawab dengan sungguh-sungguh, berterusan, dan dengan iltizam yang sepenuhnya, supaya ianya akan menghasilkan natijah yang terbaik dan cemerlang, tetapi tidak mengabaikan agama dan tuntutan budaya kita. Malah, agama dan budaya merupakan motivasi dan pendorong utama dalam segala amalan kita. Keseimbangan antara keperluan dunia dan persediaan diri untuk menuju ke akhirat; di antara keperluan spiritual dan keperluan kebendaan; di antara kemampuan akal yang berfikir secara rasional dengan ilmu wahyu; di antara keperluan masyarakat dengan keperluan peribadi; di antara keperluan keluarga dengan keperluan negara; dan pelbagai keperluan seterusnya.

Sarjana Islam tersohor di abad ini, al-Qaradhawi (2010) dalam bukunya *Moderation in Islam: simple explanation* menulis pendekatan Wasatiyyah adalah pendekatan yang terbaik dalam setiap pembangunan. Pendekatan ini telah pun dilaksanakan oleh semua para nabi dan rasul dalam dakwah mereka. Al-Quran menyatakan bahawa semua nabi dan rasul berhadapan dengan pelbagai isu yang dibangkitkan oleh kaum mereka, tetapi semua mereka memilih jalan pertengahan yang sederhana dan adil (Wasatiyyah) apabila berhadapan dengan cabaran yang mereka hadapi. Mereka tidak pernah berputus asa, tetapi tetap istiqamah, bersabar dan menggunakan pendekatan dan kaedah yang mudah dan senang untuk merubah

masyarakat mereka. Semua mereka menggunakan pendekatan Wasatiyyah yang merupakan pendekatan paling baik dan disenangi oleh masyarakat.

Al-Quran menggalakkan kita menggunakan pendekatan Wasatiyyah. Firman Allah SWT (al-Baqarah 2: 143) yang bermaksud:

Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil (wasatiyyah), supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya) dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah amat melimpah belas kasihan dan rahmat-Nya kepada orang-orang (yang beriman).

Dengan pendekatan yang sederhana, di tengah-tengah, berimbang, toleransi, adil dan tindakan yang tidak ekstrem, kita boleh membangunkan negara kita secara aman, harmoni, berjaya dan sentiasa mendapat rahmat dari Allah SWT. Firman Allah SWT (al-Anbiya' 21: 107) yang bermaksud:

Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

*Rahmatan lil 'alamin* atau rahmat bererti belas kasihan, kemaafan, kejayaan, keamanan, rasa damai, adil, dan kebahagiaan untuk semua makhluk di alam ini yang hanya boleh dicapai melalui pendekatan yang sederhana, tidak ekstrem, berimbang, dan adil. Pendekatan ini juga menghalangkan kita dari tersesat dan terpisah dari majoriti yang berada di 'aliran utama'.

Abdullah Basmeih (2010) menyatakan bahawa perkataan '*ummatan wasatha*' seperti ayat dalam surah al-Baqarah (2) ayat 143 di atas dapat diterjemahkan sebagai '*ummah terpilih*'. Menurut al-Qaradhawi (2010) Wasatiyyah bererti sebarang amalan yang sederhana dan berimbang, yakni di antara dua ekstrem yang mempunyai nilai yang berbeza dan saling bertentangan. Kita perlu faham bahawa dalam kehidupan kita seharian, kita selalu berhadapan dengan dua nilai ekstrem ini sebagaimana yang dapat disenaraikan dalam Jadual 1 berikut. Kedua-dua nilai ini tertanam dalam diri kita.



JADUAL 1 Dua nilai ekstrem dalam kehidupan seorang insan.

Nilai ekstrem yang pertama	Nilai ekstrem yang ke dua
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sayang.</li> <li>● Gembira.</li> <li>● Berani.</li> <li>● Ketuhanan.</li> <li>● Spiritual.</li> <li>● Dunia.</li> <li>● Wahyu.</li> <li>● Masa lalu.</li> <li>● Individu.</li> <li>● Unggul.</li> <li>● Statik.</li> <li>● Kebenaran (<i>al-Haq</i>).</li> <li>● Boros.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Benci.</li> <li>● Sedih.</li> <li>● Pengecut.</li> <li>● Kemanusiaan.</li> <li>● Fisikal.</li> <li>● Akhirat.</li> <li>● Akal.</li> <li>● Masa hadapan.</li> <li>● Masyarakat.</li> <li>● Realiti.</li> <li>● Dinamik.</li> <li>● Kebatilan (<i>Bathil</i>).</li> <li>● Kedekut.</li> </ul>

Sebagai contoh, nilai kasih sayang dan benci adalah dua nilai yang ekstrem yang wujud dalam diri manusia. Sama juga dengan gembira dan sedih adalah dua nilai yang bertentangan dan ekstrem yang wujud dalam diri manusia. Semua nilai ini yang berada dalam kolum sebelah kiri dan kanan Jadual 1 di atas adalah penting dalam kehidupan seorang insan dan tidak boleh berada secara ekstrem. Di antara dua nilai ekstrem ini, terdapat nilai yang di pertengahan yang menyebabkan wujudnya '*adil (bil qist)* atau adil kepada sesama insan dan alam di persekitarannya, atau nilai yang baik yang terdapat di pertengahannya tidak *zulm* atau zalim yang menyebabkan ketidakadilan berlaku sesama manusia atau dengan alam di sekitarnya atau makhluk yang lain. Pendekatan yang berada di tengah-tengah antaranya disebut sebagai Wasatiyyah. Tindakan secara Wasatiyyah mestilah seimbang, sederhana, di pertengahan dan relavan dalam semua keadaan, tempat dan juga masa. Contohnya, semua orang sayangkan anak-anak mereka. Tetapi kasih sayang keterlaluan (ekstrem) akan menjadikan anak-anak terlalu bergantung kepada ibu bapa mereka. Sekiranya tindakan kita terlalu tegas dan keras kepada anak-anak, akan menyebabkan mereka hilang jati diri sehingga mereka tidak boleh menyuarakan hasrat diri secara ikhlas. Sebagai ibu bapa kita perlu memahami bagaimana kita harus membesarkan anak-anak kita dalam persekitaran yang berbeza dengan ibu bapa kita membesarkan kita.

Dalam kehairahan kita untuk menjadi insan yang berjaya dalam hidup, kita perlu berfikir dan menetapkan matlamat hidup kita. Tetapi pada masa yang sama kita perlu memahami realiti yang ada di persekitaran kita untuk mencapai matlamat

hidup. Di antara keunggulan matlamat dan realiti yang ada, di sana terdapat jalan tengah dan sederhana yang perlu kita ikut. Jalan tengah inilah yang dinamakan Wasatiyyah yang akan membawa keadilan kepada diri kita juga makhluk yang lain di sekitar kita. Inilah jalan yang digunakan oleh Rasulullah SAW untuk berdakwah. Semua nilai dalam Jadual 1 amat penting, tetapi mesti dilaksanakan secara adil, di pertengahan, sederhana, dan seimbang.

Dengan demikian, kita perlu mengadakan suatu kaedah atau *manhaj* (pendekatan) supaya keadilan terserlah kepada setiap orang. Secara umumnya, sekiranya diberi peluang, masyarakat majoriti akan memilih pendekatan sederhana, seimbang dan adil. Inilah pilihan yang terbaik, sungguhpun kadang-kadang pendekatan ekstrem nampaknya lebih popular di kalangan masyarakat. Pendekatan popular tidak semestinya betul.

Sekiranya kita berkesempatan untuk memerhatikan ayat-ayat dalam al-Quran, terdapat banyak ayat yang menyebut bagaimana Allah SWT menciptakan alam ini secara seimbang dan dalam kadar yang tertentu. Manusia mesti mempelajari daripada ayat-ayat ini, supaya mereka tidak mengambil pendekatan yang ekstrem dalam mencapai cita-cita hidup mereka. Firman Allah SWT (al-Qamar 54: 49) yang bermaksud:

Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).

Firman Allah SWT (al-Mulk 67: 3) yang bermaksud:

Dia-lah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan (mu) dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan?

Firman Allah SWT (Yasin 36: 40) yang bermaksud:

(Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.

Firman Allah SWT (Ali 'Imran 3: 190 & 191) yang bermaksud:

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula

memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan kami! Tidakkah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka”.

Firman Allah SWT (Fatir 35: 27 & 28) yang bermaksud:

Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya; dan di antara gunung-ganang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam.

Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.

Ayat-ayat ini menekankan bagaimana Allah SWT mencipta setiap sesuatu itu dengan seimbang. Malah, dalam sains kita diajar untuk melihat keseimbangan alam tabii supaya kita dapat mempelajari tabii alam tersebut. Keseimbangan dilakukan apabila seseorang mencerap aliran haba, keseimbangan dalam gerakan objek, keseimbangan dalam aliran arus elektrik, keseimbangan dalam jisim dan pelbagai fenomena alam yang dicerap untuk memahami tabii alam ini. Dengan demikian asas utama dalam kajian sains adalah mengkaji keseimbangan alam yang bersekala mikro dan nano, klasik atau skala super seperti skala alam cakerawala.

## **WASATIYYAH: GAGASAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI**

Pendekatan Islam Hadhari (*al-Islam al-Hadhari*) adalah pendekatan untuk membangunkan peradaban Islam yang berdasarkan kepada al-Quran, al-Sunnah dan pandangan sarjana Islam (*ijma' al-Ulama'*) untuk masa ini. Di antara prinsip yang perlu difahami untuk memahami gagasan Pendekatan Islam Hadhari adalah konsep Wasatiyyah sebagaimana yang telah dibincangkan di atas. Perlu dinyatakan di sini konsep Wasatiyyah adalah konsep yang lebih luas dibandingkan dengan konsep *moderation* sebagaimana yang difahami oleh sarjana Barat.

Sebagaimana yang kita fahami, konsep *moderation* yang difahami oleh sarjana Barat adalah konsep yang berasaskan kepada pengetahuan objektif yang berasaskan kepada kemampuan memberi alasan rasional, mengabaikan pengetahuan subjektif yang banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai agama dan budaya. Dengan demikian konsep *moderation* dipengaruhi secara ekstrem oleh kemampuan akal. Pemahaman

yang berat sebelah ini (pendekatan kepada hujah rasional) memberi kesan kepada nilai-nilai yang terdapat dalam budaya dan agama.

Akibatnya kita berhadapan dengan pembangunan tamadun yang dipengaruhi oleh hujah akal daripada hujah berdasarkan wahyu dan budaya. Hujah ekstrem dalam menuntut hak asasi manusia, hak untuk membebaskan diri dari ikatan agama dan budaya, penekanan yang keterlaluan dalam sekularisme, kapitalisme dan mengabaikan budaya dan agama, akhirnya membuatkan manusia mengesampingkan agama dalam amalan hidupnya setiap hari. Kita dapat senaraikan dua nilai ekstrem yang saling bertentangan ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 berikut.

JADUAL 2 Dua nilai ekstrem utama yang mendominasi kehidupan

Nilai ekstrem pertama	Nilai ekstrem kedua
<ul style="list-style-type: none"><li>● Sosialisme.</li><li>● Masyarakat.</li><li>● Hak asasi manusia berdasarkan keperluan masyarakat.</li><li>● Nilai agama dan budaya.</li><li>● Pengetahuan subjektif.</li><li>● Hak masyarakat.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>● Kapitalisme.</li><li>● Individu.</li><li>● Hak asasi manusia berdasarkan keperluan individu.</li><li>● Sistem kepercayaan sekular.</li><li>● Pengetahuan objektif (saintisme).</li><li>● Hak individu.</li></ul>

Pendekatan Wasatiyyah adalah suatu pendekatan untuk menyeimbang dan mengharmonikan di antara kedua-dua nilai ekstrem seperti dalam kolum sebelah kiri dan kanan dalam Jadual 2 di atas sebagaimana yang ingin dicapai dalam Pendekatan Islam Hadhari, yang bermatlamat untuk menghasilkan masyarakat yang adil, seimbang, alam sekitar yang lestari, hak wanita terpelihara dan sebagainya. Kita memerlukan masyarakat yang adil yang dapat memperkasakan potensi diri untuk membangunkan negara, tetapi dalam masa yang sama hak individu dan hak masyarakat terbelah. Dengan demikian antara kepentingan memperkasakan individu dan kepentingan untuk membangunkan masyarakat perlu berada dalam keadaan yang seimbang dan adil.

Untuk memenuhi keperluan individu, kita perlu memastikan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya tidak terjejas. Jika ada yang berkata 'ini hak saya' tetapi ianya bertentangan dengan kehendak atau norma masyarakat (atau menjejaskan pembangunan masyarakat keseluruhannya), masyarakat tidak perlu melayani kehendak individu tersebut. Pendekatan yang digunakan untuk membangun

masyarakat, dan tidak melayan permintaan individu yang ekstrem, dianggap sebagai pendekatan Wasatiyyah. Nilai budaya dan nilai agama akan terancam jika atas nama hak asasi manusia yang dituntut segolongan minoriti dilayan sehingga menjejaskan hak majoriti rakyat. Hak asasi individu hanya boleh dipenuhi sekiranya ianya tidak menjejaskan norma-norma agama dan budaya. Pembangunan budaya dan agama akan terjejas jika kita membenarkan seseorang bertindak menentang norma-norma yang terdapat dalam sesuatu budaya atau agama.

Lazimnya, untuk memenuhi kehendak hak asasi individu, hujah rasional berdasarkan pengetahuan rasional yang objektif lazimnya digunakan untuk mengatasi hujah yang berdasarkan kepada pemikiran budaya dan agama. Sekiranya ini dibenarkan, akhirnya, nilai yang terdapat dalam budaya dan agama perlu patuh kepada pemikiran saintifik, dan secara sistematik nilai-nilai budaya dan agama akan hilang dari pegangan hidup seseorang. Akhirnya, manusia tidak akan lagi menghayati nilai-nilai murni beragama. Akibatnya manusia tidak lagi akan menghargai keindahan beragama dan berbudaya masyarakat setempat - bagi mereka ini agama merupakan amalan masyarakat silam sahaja sebagaimana yang berlaku dalam masyarakat di Barat. Alasan utama kenapa sesebuah keluarga dan institusi sosial hilang nilai kekeluargaan dan nilai-nilai masyarakat yang murni dan digantikan dengan budaya hedonisme seperti LGBT (Lesbian, gay, bisexual dan transgender) adalah kerana masyarakat terus menerus melayan kehendak individu yang ekstrem berkenaan. Hak asasi individu merupakan norma baru dalam kehidupan masyarakat Barat, dan permintaan hak asasi mereka sedang merosak nilai-nilai etika dan norma masyarakat. Dalam pendekatan Wasatiyyah, jalan tengah dan sederhana, antara adunan di antara kehendak individu dan kehendak masyarakat dilakukan sedemikian rupa sehingga nilai-nilai kemasyarakatan yang murni akan terjelma.

Ini adalah contohnya bagaimana pendekatan Wasatiyyah membantu mewujudkan masyarakat hadhari atau masyarakat berperadaban, sebuah masyarakat yang menyanjung tinggi nilai-nilai masyarakat dan pada masa yang sama membenarkan kebebasan secara terhad kepada individu. Kebebasan mestilah diberikan kepada individu untuk memperkasakan potensi dirinya (kreativiti dan inovasi), yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya. Tetapi jika kebebasan tersebut (inovasi dan kreativiti) menyumbang kepada kebejatan nilai-nilai atau norma masyarakat, ianya tidak akan dibenarkan.

Fenomena ini (terlalu menekankan pengetahuan objektif dan mengabaikan pengetahuan subjektif) telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh para sarjana Islam dan juga sarjana Barat sendiri. Di antara mereka yang amat prihatin adalah Capra (1983). Menurut beliau hasil pembangunan yang berat sebelah inilah (terlalu mementingkan akal, dari satu sudut ekstrem) yang menjejaskan kelestarian alam

sekitar dan dalam masa yang sama menjejaskan sistem sosial manusia sebagaimana yang ditulis dalam bukunya yang bertajuk *The Turning Points* (1983):

*Our progress, then, has been largely a rational and intellectual affair, and this one-sided evolution has now reached a highly alarming stage, a situation so paradoxical that it borders insanity. We can control the soft landings of space craft on distant planets, but we are unable to control the polluting fumes emanating from our cars and factories. We propose Utopian communities in gigantic space colonies, but (we) cannot manage our cities.....Those are the results of overemphasizing our 'Yang', or masculine side-rational knowledge, analysis, expansion and neglecting our 'Ying', or feminine side-intuitive, wisdom, synthesis, and ecological awareness.*

Yang terjemahannya dapat ditulis sebagai:

Kemajuan yang kita capai hari ini adalah berdasarkan kepada pemikiran rasional dan intelektual, dan evolusi yang berat sebelah ini telah pun mencapai ke tahap yang membimbangkan, suatu suasana paradoks yang melanggar batas keinsanan seseorang. Kita boleh kawal pendaratan pesawat angkasa di planet yang jauh, tetapi tidak berjaya untuk mengawal pencemaran yang disebabkan oleh asap yang keluar daripada kenderaan dan kilang-kilang yang kita bina. Kita mencadangkan kehidupan yang sejahtera di angkasa raya, tetapi (kita) tidak mampu mengurus bandar kita.....Ini adalah akibat daripada penekanan yang keterlaluan kepada 'Yang' kita, atau pihak kelelakian kita-pengetahuan rasional, analisis, pengembangan dan mengabaikan 'Ying' kita, atau keperempuan kita - intuiti, hikmah, sintesis dan kesedaran ekologi.

Roy (1990) pernah menyatakan kekecewaan beliau dengan sistem pendidikan yang ada kini. Beliau mengatakan sistem pendidikan yang ada kini hanya mampu untuk melahirkan insan yang *literates uneducated* (berliterate tetapi tidak terdidik). Dalam pemerhatiannya beliau menyebut *having literates do more harm than good* (mempunyai insan berliterasi lebih banyak menghasilkan kebobrokan daripada kebaikan), yang bererti memiliki insan yang berliterasi tinggi dengan ijazah yang tinggi pula akan lebih banyak mendatangkan masalah daripada kebaikan yang mereka sumbangkan kepada pembangunan negara.

Lihatlah bagaimana kes penyalahgunaan kuasa dan jenayah kolar putih, pecah amanah, dan kadang-kadang 'pembunuhan sahsiah' secara terancang oleh mereka yang digelar sebagai 'berliterasi' yang kesannya lebih teruk daripada mereka yang melakukan jenayah mencuri dan merompak oleh golongan jahil. Lihat jugalah, bagaimana negara-negara maju yang mempunyai teknologi yang canggih dengan rakyat yang berliterasi tinggi 'meratah' dan memporakperandakan negara-negara

kecil, sedangkan dosa yang mereka lakukan tidaklah sampai kepada hukuman yang begitu dahsyat. Atas nama memerangi penjenayah, mereka membunuh ratusan ribu insan yang tidak berdosa, kanak-kanak, golongan perempuan, dan orang-orang tua, dan memusnahkan harta benda dan prasarana awam, dan mereka lakukan atas nama keadilan dan kebenaran untuk menghancurkan terorisme.

Profesor Steven Muller, mantan Presiden Universiti John Hopkins, Amerika Syarikat pernah menyebut sebagaimana yang dinyatakan oleh Ulin (1980):

*The failure to rally around a set of values means that universities are turning out potentially highly skilled barbarians*

Yang dapat diterjemahkan sebagai,

Kegagalan untuk membangunkan nilai keinsanan yang terpuji bererti universiti berpotensi untuk melahirkan penyangak yang berkemahiran.

Ulin (1980) juga menyenaraikan beberapa penipuan dan kejahatan yang dilakukan oleh mereka yang berijazah tinggi yang diberikan kepercayaan kepada mereka untuk mengetuai beberapa institusi kewangan, dan menyalahgunakan kedudukan untuk menambah harta dan kuasa kepada diri dan kroni mereka.

Matlamat utama pendidikan itu sendiri adalah untuk membina sahsiah, jati diri serta adab dan akhlak individu supaya akhirnya ianya akan menyumbang kepada pembangunan negara berasaskan kepada sistem sosial yang mantap yang didasarkan kepada ilmu subjektif (nilai budaya dan norma masyarakat). Kita tidak nafi kepentingan matlamat ilmu pengetahuan sains, tetapi ilmu pengetahuan saintifik yang objektif perlu diadakan dengan nilai budaya yang murni.

Terakhir ini Profesor Harry Lewis (2006), Dekan Harvard College, dalam bukunya *Excellence without a soul - Does Liberal Education Have a Future?* mempersoalkan sistem pendidikan di institusi pengajian tinggi di Amerika Syarikat di mana dalam kajiannya beliau mendapati universiti di sana menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran yang tinggi tetapi malangnya terlibat dengan memanipulasi mata wang dan eksploitasi sistem perbankan, kewangan dan juga mata wang. Apa yang terjadi kepada sistem kewangan di sebahagian negara Barat dan Eropah hari ini seperti di Iceland, Greek, Itali, Perancis dan Sepanyol adalah akibat daripada mereka yang diberi amanah dalam institusi kewangan memanipulasi dan mengeksploitasi sistem yang ada untuk kepentingan diri dan institusi mereka. Beliau juga menyebut tentang *how a great university forgot education*.

Kajian Lewis ini menerima pelbagai reaksi daripada sarjana di Barat. Di antaranya adalah Professor Paul Vitz (2009), seorang Profesor Emeritus dalam bidang psikologi

di Universiti New York yang telah mengenalpasti tiga perkara penting yang sedang berlaku dalam masyarakat Barat hari ini akibat daripada sistem pendidikan yang melahirkan insan yang *excellence without a soul* (cemerlang tanpa roh).

Pertama adalah munculnya fahaman sekularisme yang keterlaluan atau saintisme (keterlaluan dalam menerima pendekatan saintifik sehingga menolak asas ilmu dari sumber yang lain, atau ilmu yang subjektif juga perlu dihujah secara saintifik). Akibatnya mereka menolak segala hujah yang didasarkan kepada budaya atau agama (yang bersifat objektif) sebagaimana yang terdapat dalam sistem pendidikan mereka sehingga ke peringkat universiti. Agama dianggap sebagai *a thing of the past* (untuk masyarakat primitif di masa silam) dengan konsep budaya hanya dibataskan kepada aktiviti kesenian (suara dan tampak) sahaja, tidak termasuk kaedah dan seni berfikir yang menjadi asas kepada pembangunan modal insan yang membina sesebuah tamadun. Budaya dan agama sedang digantikan dengan *rational humanistic secular world* (dunia humanistik yang rasional dan sekular), dan sarjana mereka berhujah supaya agama dan budaya patuh kepada ilmu rasional yang sekular. Natijahnya masyarakat sedang meminta hak mereka untuk bebas dari ikatan budaya dan agama. Atas nama hak asasi manusia, mereka terus berjuang untuk ‘membebaskan’ diri mereka dari ikatan dan aturan budaya dan agama. Perlembagaan negara yang pada asalnya bersetuju untuk menghormati kepelbagai budaya dan agama yang terdapat dalam sesebuah negara demi kesejahteraan masyarakat kini tercabar oleh gerakan hak asasi manusia ini yang berteraskan kepada ideologi sekularisme dan rasionalisme. Semua ini dilakukan semata-mata untuk memenuhi kepuasan nafsu diri yang ekstrem yang berselindung di belakang hak asasi manusia.

Kedua adalah ‘matinya sosialisme’. Profesor Paul Vitz (2009) berpendapat sistem ekonomi sosialis tidak lagi dapat memenuhi kehendak masyarakat dalam membangun sesebuah negara. Sistem kapitalis yang ekstrem sedang menggantikan sistem sosialis, sehingga membenarkan kehendak dan kepuasan diri dipenuhi sehingga melanggar sempadan dan norma-norma nilai diri - dengan tanggungjawab sosial digantikan dengan tanggungjawab untuk memperkasakan kapasiti diri sehingga ikatan sosial dalam keluarga dan masyarakat terhakis. Natijahnya institusi keluarga juga mula mengalami krisis jati diri kerana memenuhi kehendak diri atas nama hak asasi. Klinenberg (2012), seorang profesor dalam bidang psikologi di Universiti New York, sebagaimana yang dilaporkan oleh Majalah Antarabangsa Time (12 Mac 2012), menyebut salah satu norma baru dalam kehidupan masyarakat Barat hari ini adalah ‘*living solo*’. *Living solo* adalah fenomena baru sistem sosial yang melahirkan insan yang hidup bersendirian. Golongan ini lebih mementingkan diri sendiri daripada kehidupan berkeluarga, dan merasakan kehidupan berkeluarga akan mengikat kebebasan diri. Ini juga adalah natijah daripada keegoan diri yang mengalahkan kehendak sosial, yang akhirnya menguburkan institusi keluarga.



Sebahagian negara Eropah, Jepun dan Korea Selatan sekarang ini berhadapan dengan kadar kelahiran bayi yang amat rendah kerana fenomena baru ini, sedangkan negara amat memerlukan generasi muda baru yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Kita juga sedang menyaksikan bagaimana terdapat kerajaan yang tidak mampu menyediakan program yang dapat memenuhi keperluan individu rakyatnya, sehingga beberapa negara sedang berhadapan dengan krisis perbankan, kewangan, dan juga mata wang yang akhirnya mereka berada di ambang kebangkrapan (seperti negara Itali dan Sepanyol). Bahkan sudahpun terdapat negara yang telah pun bankrap seperti Greek dan Iceland.

Ketiga adalah seksualisme. Yang dimaksudkan dengan seksualisme adalah revolusi seksual yang keterlaluan dan ekstrem yang meminta masyarakat menerima pernyataan seks secara 'nyata' (Vitz 2009). Inilah natijahnya sehingga masyarakat 'dipaksa' untuk menerima perkahwinan sesama jenis seperti yang diminta oleh gerakan LGBT dan juga golongan yang ingin menukarkan pasangan (poligami). Isu seksual ini kemudiannya melahirkan gerakan LGBT yang amat ketara ketika ini. Golongan agamawan, budayawan dan gerakan kemanusiaan yang menolak gerakan LGBT dianggap sebagai golongan yang tidak bertoleransi. Yang diujahkan adalah hak asasi dan hak kebebasan manusia walaupun ianya melanggar norma agama dan budaya, yang sedang diajar di sekolah dan institusi pendidikan. Gerakan ini sedang digerakkan secara global merentasi setiap peringkat masyarakat. Yang lebih membimbangkan kita adalah generasi muda hari ini sedang didoktrinkan dengan idea yang kehidupan remaja mereka akan lebih bermakna sekiranya mereka dapat mempraktikkan amalan seks sebelum mendirikan rumah tangga dengan pasangan pilihan mereka. Sedangkan dalam hakikat yang sebenarnya remaja kita sedang berhadapan dengan pelbagai masalah sosial sekiranya mereka tidak dididik untuk mengawal nafsu mereka sehingga mereka mencapai umur dewasa dan memahami tanggungjawab dirinya yang sedang berada dalam sistem sosial yang pelbagai.

Isu utama yang berada di hadapan kita sekarang ini adalah bagaimana boleh kita menyelesaikan isu dualiti dalam pendidikan yang tidak serasi dan timbal balik (resiprokal); untuk mengadunkan dua nilai ekstrem seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di atas. Kita memperkasakan potensi individu, tetapi dalam masa yang sama ia tidak mengabaikan tanggungjawab sosial, sebab ia hidup dalam masyarakat. Kita memahami hak kita sebagai seorang rakyat, tetapi dalam masa yang sama kita juga tahu tanggungjawab kita dalam masyarakat. Kita membangunkan keluarga kita, tetapi pada masa yang sama ahli keluarga kita memahami hak mereka. Kita membangunkan sistem yang membolehkan kita memahami fenomena alam tabii di sekitar kita, dalam masa yang sama kita dapat mengambil manfaat dari alam

di sekitar kita. Kita memperkasa keupayaan saintifik kita, tetapi dalam masa yang sama kita tidak mengabaikan agama, budaya dan nilai masyarakat kita.

Ternyata, 10 prinsip asas yang terdapat dalam konsep Islam Hadhari sebagaimana yang digagaskan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-5 akan memperkasa dan menyepadukan konsep 1Malaysia dan pendekatan Wasatiyyah oleh Perdana Menteri sekarang. Konsep Wasatiyyah amat berbeza dengan konsep moderasi kerana konsep Wasatiyyah memfokuskan kesederhanaan dan jalan tengah yang menyepadukan antara pengetahuan objektif dengan subjektif seperti nilai agama dan budaya, tetapi konsep moderasi menekankan aspek diri kita secara terhad, dan tidak keterlaluan atau ekstrem tetapi masih dalam kerangka objektif. Kedua-duanya bertentangan dengan pendekatan ekstrem sebagaimana yang dibincangkan sebelumnya.

### **KESIMPULAN**

Masyarakat Malaysia adalah masyarakat yang berbilang kaum, berbilang agama dan mempunyai kepelbagaian budaya yang perlu dihormati sebagaimana yang dinyatakan dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 3(1). Tiada sesiapa pun yang boleh memaksa sistem kepercayaan dan budayanya kepada orang lain. Saling hormat-menghormati di kalangan rakyatnya adalah prasyarat utama untuk Malaysia menjadi negara maju yang kaya dengan kepelbagaian agama dan budaya. Sejak merdeka, Malaysia menekankan kepentingan agama sebagai sistem untuk meningkatkan kualiti hidup rakyatnya. Apabila Dr. Mahathir memperkenalkan Polisi Pandang Ke Timur yang digariskan dalam Wawasan 2020, dia menekankan kepentingan nilai moral yang Malaysia perlu miliki untuk mencapai cabaran nombor empat, lima, tujuh dan lapan.

Penggantinya, Abdullah Badawi juga menekankan betapa pentingnya keimanan dan ketakwaan kepada Ilahi, pemerintah yang adil dan boleh dipercayai, kehidupan yang berkualiti dan nilai budaya dan integriti moral sebagaimana yang dinyatakan dalam konsep pendekatan Islam Hadhari. Perdana Menteri sekarang memperkenalkan konsep 1Malaysia, suatu konsep untuk menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama melalui nilai-nilai murni yang terdapat dalam agama dan budaya masyarakatnya. Pendekatan sederhana ini adalah berdasarkan kepada nilai-nilai Islam dan juga nilai moral yang diamalkan oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Jepun adalah sebuah negara maju yang berteraskan kepada kemajuan sains dan teknologi, tetapi rakyatnya masih berpegang kepada nilai-nilai tradisi dalam kehidupan mereka sepanjang hari. Mereka telah banyak menyumbang kepada pembangunan dunia hari ini dan menjadi sumber inspirasi kepada ramai sarjana di dunia. Adalah

menjadi harapan kami di Institut Islam Hadhari, UKM melalui aktiviti penyelidikan dan kolaborasi dengan Hadhari Center for Islamic Civilizational Studies, Kyoto University, Jepun, kami boleh mempelajari pengalaman Jepun dalam bidang ini.

Kami akan memanfaatkan segala sumber yang dikurniakan Allah SWT kepada kami agar kita dapat membangunkan peradaban dan warisan, dan pada masa yang sama kita ingin menanam nilai-nilai Islam yang telah kita amalkan selama ini. Kita juga ingin menyepadukan kedua-dua ilmu objektif dan subjektif dalam kehidupan setiap hari dan memperkasakan potensi kita. Kita juga ingin membangunkan negara kita berdasarkan kepada pendekatan Islam Hadhari, dan ini dapat disempurkan melalui pendekatan Wasatiyyah dalam tindakan kita.

Kita juga mengharapkan Hadhari Centre for Islamic Civilizational Studies (HCICS) yang diusahakan bersama dengan kerjasama Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan Center for Islamic Area Studies (KIAS), Kyoto University akan membuka lembaran baru dalam jaringan penyelidikan di antara kedua-dua institusi ini.

## **PENGHARGAAN**

Pengarang ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YABhg Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia ke-5, Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Vice President (International Affairs), Kyoto University kerana sokongan mereka yang berterusan dalam menjayakan kerjasama antara Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia dan HCICS, Kyoto University suatu kenyataan. Kami juga ingin mengucapkan penghargaan kepada UKM di atas geran penyelidikan STEM-2014-002.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Capra F. 1983. *The Turning Point*. Flamingo, London: t.pt.
- Hussin Mutalib. 1993. *Islam in Malaysia – From Revivalism to Islamic State*. Singapore: Singapore University Press.
- Klinenberg E. 2012. Living alone is the new norm. *TIME Magazine*, 12 Mac: 40-42.
- Lewis, H.R. 2006. *‘Excellence without a soul-Does Liberal Education Have a Future*. Philadelphia, USA: Public Affairs Pub.

- Mahathir Bin Mohamad. 2008. *The Way Forward*. Putrajaya, Prime Minister's Office.
- Mahathir Mohamad. 1991. *Vision 2020 (in Malay)*. Kuala Lumpur, Biro Tatanegara.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. 2010. A comparative analysis of Asian values and Islam Hadhari in Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan* 15: 11-22.
- Mohd Najib Abdul Razak. 2012. Amalkan kesederhaan berimbang. Dlm. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Paimah Atoma & Hariza Mohd Yusof (Pnyt.). *Islam dan Wasatiyah*, hlm. 17. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Razak. 2013. The 1Malaysia concept part 1. <http://www.1malaysia.com.my/zh/blog/the-1malaysia-concept-part-1/> [6 Mac 2014].
- Pejabat Perdana Menteri. 2017. 1Malaysia: Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. [https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/1Malaysia\\_B.pdf](https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/1Malaysia_B.pdf) [26 Mac 2017].
- Socio Economic Research Centre. 2014. 30 years after malaysia's look east policy. <http://www.kccci.org.my/attachments/article/1794/5%2030%20Years%20After%20Malaysia%27s%20Look%20East%20Policy.pdf> [ 20 Mac 2014].
- Roy B. 1990. The Literates Uneducated. *India Today*. September. Hlm 401.
- The Commission of Law Revision, Malaysia. 2010. Federal constitution. <http://www.slideshare.net/mb12020/constitution-of-malaysia> [6 Mac 2014].
- Ulin R. R. 1980. Highly skilled barbarians. [http://c.ymdn.com/sites/www.leavenworthethicssymposium.org/resource/resmgr/2010\\_General\\_Papers/Ulin.pdf](http://c.ymdn.com/sites/www.leavenworthethicssymposium.org/resource/resmgr/2010_General_Papers/Ulin.pdf) [23 Disember 2012].
- Vitz, P. C. 2009. Excellence without a soul: A response to the problem of modern university. August 24. Society for Christian Psychology. [http://christianpsych.org/wp\\_scp/excellence-without-a-soul-a-response-to-the-problem-of-the-modern-university/](http://christianpsych.org/wp_scp/excellence-without-a-soul-a-response-to-the-problem-of-the-modern-university/) [23 Disember 2012].
- al-Qaradhawi, Yusof. 2010. *Wasatiyyah in Islam: A Brief Explanation and an Indicator*. Pulau Pinang: Penerbit Kerajaan Negeri Pulau Pinang & Institut Kajian Dasar.